

**PENGGUNAAN INDIKATOR KEMAMPAHAN EKOPELANCONGAN BAGI
MENILAI PENYERTAAN KOMUNITI ORANG ASLI KAMPUNG PETA
DI TAMAN NEGARA JOHOR ENDAU ROMPIN, MERSING**

**AHMAD FAIEZ B. MOHAMMED
SESI 2006/2007**

**Laporan projek ini dikemukakan
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan ijazah Sarjana Muda Perancangan Bandar dan Wilayah**

**Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia**

MEI 2007

ABSTRAK

Komuniti Orang Asli sering dikaitkan dengan komuniti yang dipinggirkan daripada pembangunan luar bandar dan bergantung kepada hasil hutan sebagai punca pendapatan utama. Penglibatan Komuniti Orang Asli di dalam Program Ekopelancongan merupakan suatu usaha baru ke arah penjanaaan peluang pekerjaan dan pendapatan sampingan. Penglibatan komuniti Orang Asli merupakan satu pendekatan ke arah mewujudkan pelancongan mampan di mana komuniti ini juga merupakan etnik yang berpotensi untuk diketengahkan sebagai produk pelancongan. Kajian penyelidikan yang dijalankan adalah menilai tahap kemampuan ekopelancongan terhadap komuniti Orang Asli Kampung Peta, di Taman Negara Johor Endau Rompin, Mersing. Tujuan penyelidikan ini dijalankan untuk melihat kesan pencapaian program ekopelancongan terhadap penglibatan mereka dari segi ekonomi, sosial, alam sekitar dan institusi melalui penilaian terhadap 42 set indikator ekopelancongan mampan yang melibatkan penglibatan penduduk tempatan. Justeru itu, analisis menunjukkan bahawa program ini telah memberi peluang kepada komuniti untuk menceburkan diri dalam pelbagai bidang yang ditawarkan di kawasan kajian serta telah meningkatkan pendapatan, tanggungjawab dan kesedaran terhadap pengurusan dan perlindungan alam semula jadi. Namun, program ini perlu memberikan keutamaan kepada permasalahan pembentukan sistem kerja, kemahiran dan kepakaran serta pembentukan mentaliti Orang Asli bagi memastikan peranan dan kepakaran mereka dapat membantu dan memberikan faedah kepada pembangunan program ekopelancongan. Oleh yang demikian, pembentukan strategi dan program adalah melibatkan usaha ke arah pemantapan dan penggalakan Orang Asli bagi memantapkan ekopelancongan mampan kelak. Justeru itu, peranan penilaian indikator ekopelancongan dapat membantu pihak-pihak yang tertentu memperbaiki bagi memastikan peranan dan tanggungjawab terhadap pembentukan ekopelancongan mampan kelak memenuhi kriteria pengukuran dan memberikan faedah bersama terutama melibatkan secara langsung komuniti Orang Asli di dalam pembangunan ekopelancongan kelak.

ABSTRACT

The Aboriginal community is often associated with the community that is isolated from the countryside development and whose prime resource of income is depending on the forest commodities. The Aboriginal community participation in the ecotourism programme is a new endeavor towards the spawning of job opportunities and additional revenue. The Aboriginal participation is an approach towards the establishment of the sustainable tourism where this community also is classified as the unique tourism asset and a potential ethnic to be commercialized as a tourism product. Research study that has been done is to evaluate the ecotourism sustainability level for the Aboriginal community at the Johor Endau Rompin National Park, Mersing. The main purpose this research was done is to see the effect of the ecotourism programme achievement to their participation from the economic, social, environmental, and institutional aspects through 42 sets of sustainable ecotourism indicator. Therefore, analysis showed that this programme has increased the revenue and provided job opportunities to the Aboriginal community besides intensifying the awareness towards the management and preservation of the nature. However, this programme has to give the priority to the problems of creating the working system, skills, and expertise, and also the shaping of the mentality of the Aboriginal to ensure that their roles and expertise can augment and provide the benefit to the ecotourism programme development. Thus, the designation of the strategies and programmes is involving the attempts towards the strengthening and encouragement of the Aboriginal for future toughening the sustainable ecotourism. Hence, this study is able to assist certain parties to ensure the role and obligation towards future sustainable ecotourism development satisfy the measurement criterion and provide the mutual benefits particularly when explicitly involving the Aboriginal community in the ecotourism development.